




**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

MEKANISME PENETAPAN HARGA JUALAN RUNCIT PETROL DAN DIESEL





Kaedah penetapan harga petrol dan diesel di seluruh dunia secara amnya terbahagi kepada tiga iaitu ;





Malaysia mengamalkan harga petrol dan diesel yang tetap. Syarikat minyak dan pengusaha minyak tidak dibenarkan untuk menjual selain daripada harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan.

Kerajaan melaksanakan penetapan harga secara mingguan dan syarikat serta pengusaha stesen minyak dibenarkan untuk menawarkan harga promosi, iaitu harga jualan yang lebih rendah tertakluk kepada kelulusan KPDNKK.



29 MAC 2017



KAEDAH PENETAPAN HARGA



APUNGAN MUTLAK

- Harga ditentukan sepenuhnya oleh penawaran dan permintaan pasaran;
- Harga jualan runcit akan sentiasa berubah (setiap hari/berkali-kali dalam tempoh sehari).
- Kuasa Kerajaan terhadap menetapkan terma dan peraturan bagi memastikan amalan persaingan yang sihat di kalangan industri.


HARGA SYILING

- Kerajaan akan menetapkan harga syiling jualan runcit secara berkala (mingguan/bulanan).
- Penggiat industri hanya dibenarkan untuk mengenakan harga jualan runcit minyak petrol dan diesel runcit tidak melebihi harga syiling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

HARGA TETAP

- Kerajaan akan menetapkan harga jualan runcit minyak.
- Penggiat industri tidak dibenarkan menjual pada harga berlainan.

Global
Price.com



* Daripada 97 buah negara



MEKANISME PENETAPAN HARGA JUALAN RUNCIT PETROL DAN DIESEL DI MALASIA



- Mekanisme ini menggunakan *Automatic Pricing Mechanism (APM)* yang diperkenalkan pada **2 April 1983**.

Memberikan kestabilan harga runcit petrol dan diesel kepada pengguna

Mengawal harga runcit petrol dan diesel



Memberikan syarikat minyak kos pemulangan yang saksama dan menurut keadaan semasa

Membolehkan syarikat minyak merancang dan melaksanakan pelaburan berdasarkan anggaran margin yang telah ditetapkan



KAEDAH PENETAPAN HARGA SECARA PENGAPUNGAN TERKAWAL (MANAGED FLOAT)



Komponen	Keterangan
Kos Produk	Kos minyak ditapis yang ditentukan oleh pasaran antarabangsa yang dipengaruhi oleh kadar tukaran matawang asing
Alpha	Perbezaan harga kos produk dengan belian sebenar oleh syarikat minyak
Kos Operasi	Terdiri daripada kos pengangkutan dan kos pemasaran
Margin Syarikat Minyak	Kadar keuntungan kepada syarikat minyak yang telah ditetapkan oleh Kerajaan
Margin Pengusaha Stesen Minyak	Kadar Keuntungan kepada pengusaha stesen minyak yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.



KAEDAH PENETAPAN HARGA SECARA PENGAPUNGAN TERKAWAL (MANAGED FLOAT)



- Pengapungan terkawal bermaksud satu kaedah penetapan harga runcit petrol dan diesel berdasarkan kepada perubahan kos produk di pasaran dalam tempoh tertentu.
- Managed Float

RON 97 dilaksanakan Julai 2010
RON95 dilaksanakan 1 Disember 2014

Pengumuman
Harga

Petrol / diesel setiap hari Rabu dan
berkuatkuasa pada hari Khamis jam
00.01



KELEBIHAN PENETAPAN HARGA JUALAN RUNCIT PETROL DAN DIESEL SECARA MINGGUAN



- * Sebarang perubahan kos produk (komponen terbesar di bawah APM) dapat diterjemahkan lebih tepat mengikut perkiraan pasaran global.
- * Rakyat mendapat manfaat segera sekiranya berlaku penurunan harga pasaran minyak dunia harian dan pengukuhan Ringgit Malaysia kerana pelarasan harga boleh dibuat segera.
- * Pengurangan tanggungan subsidi sekiranya impak perubahan harga secara mingguan tidak benar.